

h

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA,  
MAHKAMAH TINGGI,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

---

Bil.(5) dlm. JK/MA 38 Jld. IV

Tarikh: 29hb November 1990

Hakim,  
Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.

Majistret,  
Mahkamah Majistret,  
Semenanjung Malaysia.

Pendaftar Mahkamah Rendah,  
Mahkamah Sesyen,  
Semenanjung Malaysia.

Tuan/Puan,

Arahan Amalan No. 4 Tahun 1990

Penyusunan Semula Mahkamah-Mahkamah Rendah

1. Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya dengan ini mengarahkan penyusunan semula tugas-tugas di Mahkamah-Mahkamah Rendah mulai 1hb Januari 1991, seperti berikut:

MAHKAMAH SESYEN

2.1 Pemindahan Bidang Kuasa Sivil

Mulai dari 1.1.91 Mahkamah Sesyen akan mengambil alih semua bidang kuasa sivil Mahkamah Majistret kecuali -

- (a) Permohonan di bawah Akta Perempuan Bersuami & Anak-Anak (Nafkah) 1950;
- (b) Permohonan di bawah Akta Perempuan Bersuami & Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968; dan
- (c) Tuntutan Kecil Sivil.

## 2.2 Pendaftaran Kes Sivil

Oleh kerana pembayaran fee mahkamah di bawah Jadual B Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 berbeza mengikut amaun tuntutan dan untuk mengenalpasti kes-kes yang tertakluk kepada seksyen 28(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (yang menghadkan hak rayuan) maka pendaftaran kes-kes sivil di Mahkamah Sesyen mulai dari 1.1.91 dibahagikan kepada dua kategori seperti berikut -

### (a) Kes sivil yang melebihi \$10,000

Semua kes sivil yang melebihi \$10,000 hendaklah didaftarkan di bawah salah satu Kod 51, 52, 53, 54, 55, 56 yang mana berkenaan.

### (b) Kes sivil yang tidak melebihi \$10,000

Semua kes sivil yang tidak melebihi \$10,000 hendaklah didaftarkan di bawah salah satu Kod 71, 72, 73, 74, 75, 76 yang mana berkenaan. Dengan ini Kod-Kod tersebut menjadi Kod Mahkamah Sesyen.

## 2.3 Pemindahan kes-kes sivil yang sedia ada

Semua kes sivil yang sedia ada di dalam Mahkamah Majistret Kelas Satu pada 1.1.91 kecuali kes-kes yang separuh bicara, adalah dianggap telah berpindah ke Mahkamah Sesyen di tempat Mahkamah yang sama bersekali dengan buku-buku pendaftaran. Nombor kes-kes yang terpindah itu tidak perlu ditukarkan. Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah membicarakan kes-kes tersebut pada hari yang telah ditetapkan seberapa yang boleh.

## 2.4 Kes-kes sivil separuh bicara

Semua kes sivil separuh bicara yang sedia ada pada 1.1.91 hendaklah diselesaikan oleh Majistret Kelas Satu berkenaan dengan secepat mungkin.

**MAHKAMAH MAJISTRET**

**3.1 Pemindahan Bidang Kuasa Jenayah**

Mulai dari 1.1.91 Mahkamah Majistret Kelas Satu akan mengambil alih semua bidang kuasa jenayah Mahkamah Majistret Kelas Dua.

**3.2 Pendaftaran Kes Jenayah**

Semua kes jenayah yang sekarang ini didaftarkan di bawah Kod 94, 95, 96 & 97 di dalam Mahkamah Majistret Kelas Dua hendaklah mulai dari 1.1.91 didaftarkan di bawah salah satu Kod 83, 85, 86 & 87 yang mana berkenaan dan dibicarakan oleh Majistret Kelas Satu. Dengan ini Kod 94, 95, 96 & 97 dimansuhkan.

**3.3 Kes Tuntutan Nafkah**

Semua kes tuntutan nafkah di bawah Akta Perempuan Bersuami & Anak-Anak (Nafkah) 1950 dan Akta Perempuan Bersuami & Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968 hendaklah terus didaftarkan dan dibicarakan oleh Majistret Kelas Satu tetapi menggunakan Kod baru 91. Dengan ini Kod tersebut menjadi Kod Mahkamah Majistret Kelas Satu.

**3.4 Pemindahan Bidang Kuasa Sivil**

Mulai dari 1.1.91 Mahkamah Majistret Kelas Satu akan mengambil alih semua bidang kuasa sivil Majistret Kelas Dua.

### **3.5 Pendaftaran Kes Sivil Tuntutan Kecil**

Semua kes sivil tuntutan kecil di bawah Aturan 54 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 yang sekarang ini didaftarkan di dalam Mahkamah Majistret Kelas Dua di bawah Kod 91, 92, 93 hendaklah mulai dari 1.1.91 didaftarkan di dalam Mahkamah Majistret Kelas Satu di bawah Kod baru 92 sahaja. Dengan ini Kod 92 menjadi Kod Mahkamah Majistret Kelas Satu dan Kod 91, 92, 93 sebagai Kod-Kod Mahkamah Majistret Kelas Dua dimansuhkan.

## **MAHKAMAH MAJISTRET KELAS DUA**

### **4.1 Pembatalan**

Tertakluk kepada perenggan 4.3 dan 4.5 berikut, Arahan Amalan No: 6 Tahun 1987 dibatalkan.

### **4.2 Pemindahan kes-kes Jenayah yang sedia ada**

Semua kes jenayah yang sedia ada di dalam Mahkamah Majistret Kelas Dua pada 1.1.91 kecuali kes-kes separuh bicara, adalah dianggap telah berpindah ke Mahkamah Majistret Kelas Satu di tempat Mahkamah yang sama bersekali dengan buku-buku pendaftaran. Nombor kes-kes yang terpindah itu tidak perlu ditukarkan. Majistret Kelas Satu hendaklah membicarakan kes-kes tersebut pada hari yang telah ditetapkan seberapa yang boleh.

### **4.3 Kes-kes Jenayah separuh bicara**

Semua kes jenayah separuh bicara yang sedia ada pada 1.1.91 hendaklah diselesaikan oleh Majistret Kelas Dua yang berkenaan dengan secepat mungkin.

**4.4 Pemindahan kes-kes Tuntutan Kecil yang sedia ada**

Semua kes tuntutan kecil yang sedia ada di dalam Mahkamah Majistret Kelas Dua pada 1.1.91 kecuali kes-kes separuh bicara, adalah dianggap telah berpindah ke Mahkamah Majistret Kelas Satu di tempat Mahkamah yang sama bersekali dengan buku-buku pendaftaran. Nombor kes-kes yang berpindah itu tidak perlu ditukarkan. Majistret Kelas Satu hendaklah membicarakan kes-kes tersebut pada hari yang telah ditetapkan seberapa yang boleh.

**4.5 Kes-kes Tuntutan Kecil separuh bicara**

Semua kes tuntutan kecil separuh bicara yang sedia ada pada 1.1.91 hendaklah diselesaikan oleh Majistret Kelas Dua yang berkenaan dengan secepat mungkin.

'AM

**5.1 Persidangan Mahkamah Litaran**

Terpulanglah kepada budibicara Hakim Mahkamah Sesyen Litaran dan Majistret Litaran menentukan persidangan litaran Mahkamah masing-masing tiap-tiap bulan - samada sekali sebulan atau dua kali sebulan ataupun lebih daripada itu dan beberapa hari pada sesuatu persidangan. Maksud susunan semula dalam Arahan Amalan ini adalah antara lain untuk mencapai matlamat berikut :

(a) kes jenayah hendaklah diselesaikan dalam tempoh enam bulan dari tarikh pendaftarkan kes; dan

(b) kes sivil hendaklah diselesaikan dalam tempoh satu tahun dari tarikh pendaftaran kes.

5.2 Dengan ini peruntukan berikut adalah dibatalkan -

(a) perenggan 5 Surat Pekeliling Bil. (11) Dlm. JK/MA  
38 Vol. III bertarikh 16hb Disember 1988 berikutan  
Arahan Amalan No: 4 Tahun 1988 (yang menghadkan  
litaran sekali sebulan); dan

(b) perenggan 5(a) Arahan Amalan No: 5 Tahun 1989  
(yang menghadkan menetapkan beberapa kes pada hari  
yang sama).

... Bersama-sama ini ada disertakan Jadual Semakan Pengelasan  
Kod.

*Wan*

(WAN ADNAN BIN MUHAMAD)  
Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
Kuala Lumpur.

s.k.



1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara,  
Mahkamah Agung,  
Kuala Lumpur.
2. Y.A.A. Hakim Besar Malaya,  
Mahkamah Agung,  
Kuala Lumpur.
3. Y.A.A. Hakim Besar Borneo - (untuk makluman).  
Mahkamah Tinggi,  
Kuching, Sarawak.
4. Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung - (untuk makluman).
5. Y.A. Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,  
Mahkamah Tinggi,  
Semenanjung Malaysia.

6. Peguam Negara Malaysia.  
Jabatan Peguam Negara,  
Kuala Lumpur.
7. Ketua Pendaftar,  
Mahkamah Agung,  
Kuala Lumpur.
8. Penolong Kanan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya.
9. Majlis Peguam Malaysia,  
No. 5 Jalan Tun Perak,  
Kuala Lumpur.
10. KANUN,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kuala Lumpur.
11. Malayan Law Journal,  
3, Shenton Way,  
# 14-03 Shenton House,  
Singapore 01-06.
12. Current Law Journal,  
Lot 12, Ground Floor,  
Bangunan Strait Trading,  
50700 Kuala Lumpur.

(ARAHAN AMALAN NO: 5 & 6 TAHUN 1988)

Jadual Semakan  
1.1.1991

ARAHAN AMALAN NO: 4 TAHUN 1990

Pendaftaran Kes-Kes Mahkamah  
Pengelasan Kod

<u>KOD</u>	<u>MAHKAMAH TINGGI</u>
11	Rayuan Sivil daripada Mahkamah Majistret
12	Rayuan Sivil daripada Mahkamah Sesyen
13	Semakan Sivil
14	Rayuan Cukai
15	Perujukan Tanah
16	Rayuan daripada Tribunal Pentadbiran
17	Akta Profesion Undang-Undang 1976
18	Petisyen Penerimaan masuk dan pendaftaran sebagai Peguambela dan Peguamcara
21	Prosiding Sivil oleh dan Terhadap Kerajaan
22	Guaman Sivil - Am
23	Guaman Sivil - Tort
24	Saman Pemula
25	Usul Pemula
26	Petisyen Pemula
27	Admiralti
28	Penggulungan Syarikat
29	Kebankrapan
31	Surat kuasa mentadbir
32	Probet
33	Perceraian
34	Pengangkatan
35	Guaman Distres
36	Permohonan Pelaksanaan - Perintah Larangan
37	Permohonan Pelaksanaan - Harta Alih
38	Permohonan Pelaksanaan - Harta Tak Alih
41	Rayuan Jenayah daripada Mahkamah Majistret
42	Rayuan Jenayah daripada Mahkamah Sesyen
43	Semakan Jenayah
44	Permohonan Jenayah
45	Perbicaraan Jenayah Berjuri
46	Perbicaraan Jenayah yang dibantu oleh pengapit
47	Perbicaraan Jenayah oleh Seorang Hakim

<u>KOD</u>	<u>MAHKAMAH SESYEN</u>
<u>BIDANG KUASA SIVIL MELEBIHI \$10,000</u>	
51	Sivil Prosiding oleh dan terhadap Kerajaan
52	Saman Sivil - Am
53	Saman Sivil - Tort
54	Permohonan Pemula
55	Petisyen Pemula
56	Permohonan Pelaksanaan
57	Siasatan Kewarganegaraan
<u>BIDANG KUASA JENAYAH</u>	
61	Kes Tangkap terhadap Kakitangan Awam
62	Kes Tangkap - Am
63	Kes Saman
64	Permohonan Jenayah
<u>BIDANG KUASA SIVIL TIDAK MELEBIHI \$10,000</u>	
71	Prosiding Sivil oleh dan terhadap Kerajaan
72	Saman Sivil - Am
73	Saman Sivil - Tort
74	Permohonan Pemula
75	Petisyen Pemula
76	Permohonan Pelaksanaan
<u>MAHKAMAH MEJISTRET</u>	
<u>BIDANG KUASA JENAYAH</u>	
81	Kes Komital ke Mahkamah Tinggi
82	Kes Tangkap terhadap Kakitangan Awam
83	Kes Tangkap - Am
84	Kes Juvenil
85	Kes Saman Jenayah - Am
86	Kes Trafik
87	Kes Saman oleh Jabatan
88	Siasatan Kematian
89	Permohonan Jenayah
<u>BIDANG KUASA SIVIL</u>	
91	Permohonan di bawah Akta Perempuan Bersuami & Anak-Anak (Nafkah) 1950 dan Akta Perempuan Bersuami & Anak-Anak (Penguatkuasaan Nafkah) 1968
92	Tuntuan Sivil di bawah Aturan 54 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980